



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (154)

Tarikh : 7 Ogos 2016

Siaran Media

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS) KEJIRANAN INDAH (*MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD*) DAN MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL RUMAH PANGSA SRI BANDAR

Port Dickson, 7 Ogos 2016 - Majlis Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy - NBOS*) Kejiranan Indah dan Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) Rumah Pangsa Sri Bandar, Port Dickson, Negeri Sembilan disempurnakan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini.

2. Rumah Pangsa Sri Bandar, Port Dickson, ini adalah salah satu daripada 19 lokasi NBOS Kejiranan Indah yang siap dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2014. Projek NBOS ini pelaksanaannya adalah segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai sendiri oleh rakyat jelata, dengan kos yang minimum.

3. Projek NBOS Rumah Pangsa Sri Bandar, Port Dickson yang menelan belanja RM905, 315 ribu (2014) ini dibaiki pulih selepas 27 tahun pembinaannya. Rumah pangsa 2 blok (4 tingkat) ini merangkumi 140 unit rumah yang dihuni oleh 500 orang dibina pada 1989 oleh pihak swasta.

4. Kerja-kerja baiki pulih dijalankan oleh bahagian dan jabatan di KPKT. Pecahan penambahbaikan ini adalah seperti berikut:

a. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) – RM470,375.00

1. Menaiktaraf sistem perparitan;
2. Menurap semula jalan dan mengecat garisan tempat letak kenderaan dan kerb jalan;
3. Membina baharu dewan serba guna.

- b. **Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) KPKT - RM179,940**
 - 1. Membaiki bumbung, tangga dan kerosakan umum; dan
 - 2. Mengecat semula ruang tangga, bangunan dan harta bersama;
- c. **Jabatan Landskap Negara (JLN) – RM255,000.00**
 - 1. Menjalankan projek landskap di kawasan lapang; dan
 - 2. Menyediakan tempat permainan kanak-kanak, laluan pejalan kaki, ruang refleksiologi, kerusi taman, ruang tempat duduk, tong sampah taman dan papan tanda peraturan penggunaan taman.

5 . Dewan serbaguna yang baharu ini diberi nama Dewan Sri Bandar. Selain daripada itu, terdapat juga Pusat Siber Komuniti di tingkat 2 dewan ini yang diselaraskan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson. KPKT menyumbangkan RM1000.00 bagi pembelian buku-buku di Pusat Siber Komuniti ini.

6. Program Transformasi Sosial juga dilancarkan pada pagi ini bagi mewujudkan 'sense of belonging' di kalangan penduduk Rumah Pangsa Sri Bandar untuk menjaga dan menyenggara kawasan perumahan ini secara berterusan bersama Majlis Perbandaran Port Dickson menerusi 6 komponen utama ini :

- a) **Program Bandar Selamat** untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM dan AMANITA.
- b) **Program Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM.
- c) **Program Rakan Taman** untuk memupuk semangat sukarelawan dan dijadikan amalan menjaga, memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf.
- d) **Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) melalui peraturan pengasingan sisa pepejal di punca dilancarkan pada 1 September 2015 merupakan pelan strategik jangka panjang KPKT untuk mewujudkan sebuah pengurusan sisa pepejal yang mampan. Selain itu, ia juga dapat membantu pihak Kerajaan untuk mencapai sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22% menjelang tahun 2020.
- e) **Komuniti Perwani 1 Malaysia** di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan menerusi

komuniti PERWANI ini yang memberi manfaat kepada komuniti dan pembangunan kapasiti wanita.

- f) Program **Communication for Behavioural Impact (COMBI)** atau **Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku** iaitu aktiviti-aktiviti memerangi nyamuk aedes.

7. Di pagi ini terdapat juga pameran dari Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KWKPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Jabatan Kesihatan Daerah Port Dickson, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan 1Malaysia For Youth (iM4U).

8. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Dato' Hj. Jalaluddin bin Hj. Alias, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Negeri Sembilan, Datuk Hj. Mohammed bin Mentek;Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Dr. Dolbani bin Mijan;Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Dato' Ab. Khalid bin Mat; Yang DiPertua Majlis Perbandaran Port Dickson, Puan Noriah binti Yusof; Pengerusi Perbadanan Pengurusan Sri Bandar, Port Dickson dan pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Sembilan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my